

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

SOALAN NO. 298

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) perincian maklumat institusi akademik negara luar yang menggunakan modul dan bidang pembelajaran institusi awam tempatan sebagai "benchmark" mengikut pecahan bidang pengajian dan universiti; dan
- b) jumlah pelajar dari luar negara yang sedang mengikuti pengajian di universiti awam dan swasta di Malaysia mengikut universiti, bidang jurusan dan negara asal dari tahun 2010 hingga 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa terbuka untuk sebarang perbincangan untuk memastikan silibus pendidikan yang digunakan di institusi pendidikan tinggi (IPT) seluruh negara adalah yang terkini dan mengikut perkembangan semasa. KPM bersama-sama pemegang taruh lain sama ada dari sektor awam dan juga industri akan bekerja sama untuk memastikan aspek terkini dititik berat dan diselaras dalam silibus pendidikan di semua IPT.

Selain itu, pelbagai usaha sedang dilaksanakan IPT terutama menggalakkan penerapan elemen ICT dan digital dalam urusan harian di dalam kampus antaranya;

1. **Pelaksanaan *Smart Campus* dalam urusan harian** di kampus. Antara pelaksanaan yang telah dibuat iaitu penggunaan *QR code* dalam perkongsian maklumat dengan pelajar-pelajar, kakitangan dan pelawat. Selain itu, pelajar digalakkan menggunakan transaksi tanpa tunai (*cashless*) dalam proses jual beli di kampus. Pengesahan kehadiran pelajar juga telah dilaksanakan secara pengesanan muka (*face recognition*) dimana ianya lebih tepat dan maklumat dapat direkod lebih cepat disamping mengelakkan pelajar ponteng kelas.
2. Aplikasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga telah dilaksanakan di IPT. Antara aktiviti yang menyokong kepada proses ICT dalam PdP ialah integrasi manual dan digital dalam pelaksanaan program iaitu secara *hybrid (online dan face to face)*, *blended learning*, kolaborasi secara maya.
3. KPM juga memberi penekanan kepada universiti awam supaya menyemak semula program akademik sedia ada sama ada masih relevan dan bersesuaian dengan keperluan pasaran. Program akademik yang tidak mempunyai permintaan yang tinggi, tidak menepati kehendak pasaran dan industri, tidak berdaya saing, rendah kadar kebolehpasaran graduan serta tidak bersifat *nation building*, akan dijumlahkan atau dilupuskan.

Melalui penubuhan Jawatankuasa Transformasi Program Akademik Universiti Awam, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program akademik sedia ada di kalangan IPT, implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara berkaitan bidang pendidikan tinggi agar relevan, berdaya saing serta memenuhi keperluan industri semasa selari dengan IR 4.0.

Berdasarkan Statistik Pendidikan Tinggi, bilangan pelajar antarabangsa di universiti awam dan institusi pendidikan tinggi swasta adalah 131,514 orang pada tahun 2018, 136,293 orang pada tahun 2017 dan 132,710 orang pada tahun 2016. Berdasarkan data tahun 2018 sebanyak 17% pelajar adalah dari Bangladesh, 13% dari Nigeria dan 9% dari China.

SOALAN NO: 298

Manakala berdasarkan bidang pengajian, 42% pelajar mengikuti bidang pengajian Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan, 19% adalah bidang Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan manakala 12% adalah bidang pengajian Sains, Matematik dan Komputer.

Institut Pendidikan Tinggi Swasta

Selain daripada itu, bilangan pelajar dari luar negara yang mengikuti pengajian di universiti swasta terdiri daripada 171 buah negara. Jumlah pelajar yang mengikuti pengajian di universiti swasta dari tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Pelajar antarabangsa		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2014	21676	8679	30355
2015	25482	10094	35576
2016	29263	11500	40763
2017	17415	6989	24404
2018	23746	10811	34557

Pada tahun 2018 dari 171 negara, pelajar antarabangsa paling ramai adalah dari negara China iaitu seramai 7221 pelajar, diikuti dari bangladesh seramai 5629 dan ketiga dari indonesia seramai 4254 pelajar.

Sekian, terima kasih.

RT39/298